

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI
MASLAN [PONTIAN]**

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan senarai semua projek yang sudah dan akan dilaksanakan dalam kawasan Parlimen Pontian untuk Bajet 2020 dan Bajet 2021. Mohon pihak Kementerian agar membina Pusat e-Dagang Desa, satu di DUN Benut dan satu di DUN Pulai Sebatang sebagai pusat pengumpulan dan pemasaran secara e-Dagang bagi usahawan dalam kawasan Pontian.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan terus memastikan kesejahteraan masyarakat luar bandar termasuklah di Kawasan Yang Berhormat terus diberi perhatian dan tidak tercicir dalam mendapatkan keperluan asas prasarana, pembangunan ekonomi, keusahawanan dan pembangunan modal insan di semua peringkat lapisan masyarakat.

Bagi kawasan Parlimen Pontian, sukacita dimaklumkan sejumlah **RM40.28 juta** telah diperuntukkan di bawah Bajet Pembangunan KPLB tahun 2020 melibatkan **lima (5) projek/program utama** iaitu:

- i. **Projek Pemajuan Kawasan Kg Parit Makuasang, Mukim Benut, Daerah Pontian** dengan kos projek berjumlah **RM37.5 juta**;
- ii. **13 buah** Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) berjumlah **RM1.29 juta**;
- iii. **Dua (2)** Projek Ameniti Sosial berjumlah **RM120,000**;
- iv. **Lapan (8) buah rumah** Bina Baru di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPRT) berjumlah **RM448,000**; dan
- v. **71 buah rumah** Baik Pulih di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPRT) berjumlah **RM923,000**.

Untuk makluman Yang Berhormat,

pihak Kementerian telah memohon kepada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sejumlah **RM211.2 juta** peruntukan pembangunan bagi Negeri Johor pada tahun 2021 merangkumi kawasan Yang Berhormat.

Kementerian ini mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat bersama-sama ingin membangunkan dan meningkatkan penyertaan usahawan dalam e-dagang sebagai pusat pengumpulan dan pemasaran secara e-Dagang bagi usahawan dalam kawasan Pontian.

Inshaallah, Kementerian tiada halangan dan bersedia mempertimbangkan akan cadangan baik Yang Berhormat supaya dapat dibina satu **(1) Pusat e-Dagang Desa** di **Dewan Undangan Negeri (DUN) Benut** dan satu (1) di **DUN Pulau Sebatang** sekiranya peruntukan mengizinkan.